

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 18 JUL 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berdasarkan kenyataan Ketua Polis Negara berkenaan fokus baharu Cawangan Khas, adakah Cawangan Khas tersebut diberi tugas untuk pengawasan geng-geng, kartel narkoba, pelacuran dan perjudian haram.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Cawangan Khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan bertujuan untuk mengumpulkan sebarang bentuk maklumat risikan keselamatan yang berkaitan dengan aktiviti subversif, penyuluhan, sabotaj atau mana-mana percubaan untuk melakukan aktiviti berkenaan. Tugas ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 3(3) Akta Polis 1967.

Fokus Cawangan Khas tidak terhad kepada tugas berkaitan pengawasan geng-geng, kartel pengedaran dadah, pelacuran dan perjudian haram seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya Cawangan Khas turut memberikan bantuan dan kerjasama daripada segi perkongsian maklumat risikan dengan jabatan-jabatan lain di dalam PDRM seperti Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dalam membantu jabatan-jabatan berkenaan menjalankan operasi masing-masing.

Di samping itu maklumat-maklumat risikan keselamatan yang dikumpul dan dianalisis oleh pihak Cawangan Khas turut dikongsi dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan dalam menjalankan operasi dan membuat keputusan berkaitan keselamatan negara.